

Headline	Diskriminasi terhadap penghidap HIV masih tebal		
MediaTitle	Kosmo		
Date	17 Feb 2012	Color	Black/white
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	14	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	85 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 392
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,176



Diskriminasi terhadap penghidap HIV masih tebal

KUALA LUMPUR – Stigma dan diskriminasi masyarakat terhadap penghidap HIV pada masa kini masih tebal sehingga menimbulkan masalah kepada golongan itu untuk mencari pekerjaan.

Presiden Majlis AIDS Malaysia (MAM), Tan Sri Zaman Khan berkata, penghidap HIV seringkali mengalami masalah dalam mencari pekerjaan dan malah ada yang dipecat oleh majikan setelah didapati menghidap HIV.

“Peluang mereka untuk mencari

nafkah sudah tiada. Jika mereka disingkirkan (oleh majikan), bukan sahaja memberi kesan terhadap individu itu sahaja, malah anggota keluarganya.

“Oleh itu, tidak ada sebab untuk singkirkan mereka kerana bukan semua penghidap HIV yang tidak boleh membuat kerja langsung,” katanya kepada pemberita selepas

merasmikan majlis penyerahan Tong Silinder Gas Shell Malaysia kepada 19 rumah perlindungan di

bawah MAM di sini semalam.

Pada majlis itu, Shell Malaysia menaja 936 tong silinder gas berjumlah RM26,000 untuk diagihkan kepada 19 rumah perlindungan di bawah MAM.

Sementara itu, Pengurus Besar Shell Gas Trading Sdn. Bhd., Julianna Kamarudin berkata, bantuan tersebut diharap sedikit sebanyak dapat membantu pertubuhan yang bertindak melindungi pesakit HIV.